Majlis keputeraan penuh istiadat

BH - 4/6/2006

Yang di-Pertuan Agong berangkat ke istiadat arak panji-panji

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, semalam, berangkat ke Istiadat Mengarak Panji-Panji Yang di-Pertuan Agong di Dataran Merdeka, di sini.

Istiadat bersempena ulang tahun keputeraan rasmi Seri Paduka itu sebagai menyembah taat setia Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada Yang di-Pertuan Agong selaku Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera.

Panji-Panji yang diarak adalah yang dianugerahkan Yang di-Pertuan Agong kepada Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Rejimen Renjer Diraja, Kor Armor Diraja, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Turut hadir pada istiadat itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Acara bermula sebaik ketibaan Seri Paduka berdua jam 8 pagi di Dataran Merdeka dengan lagu *Negaraku* dimainkan Pancaragam ATM.

Ia disusuli perbarisan mempersembahkan 'Hormat Diraja' serta 21 das tembakan meriam dan terbang lintas hormat lima helikopter ATM.

Seri Paduka kemudian diiringi Panglima ATM, Laksamana Tan Sri Mohd Anwar Mohd Nor dan ketua perbarisan, Lt Kol Abdul Rahman A Wahab, memeriksa perbarisan 28 pegawai dan 550 anggota.

Anggota perbarisan kemudian melaungkan 'Daulat Tuanku' tiga kali sebelum perbarisan mara menghadap dan disusuli dengan bacaan doa.

Sementara itu, Seri Paduka menyampaikan anugerah kepada 34 penerima di Istana Negara.

Mendahului senarai ialah bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, yang menerima Seri Setia Mahkota, membawa gelaran Tun.

Empat belas orang menerima Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri. Enam belas orang menerima Panglima Jasa Negara, yang membawa gelaran Datuk manakala tiga menerima Panglima Setia Diraja membawa gelaran Datuk.



EFFENDY RASHID | BERITA HARIAN

HORMAT DIRAJA: Yang di-Pertuan Agong membalas tabik hormat pada majlis Istiadat Mengarak Panji-Panji Yang di-Pertuan Agong di Dataran Merdeka, semalam. Turut hadir Raja Pemaisuri Agong, Abdullah dan Najib.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA